

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 10 OKTOBER 2017

MUKA SURAT: 06

Bantuan kerajaan negeri sudah terlewat – Noh

KUALA LANGAT 9 Okt. - Tindakan Exco kerajaan negeri, Datuk Iskandar Abdul Samad yang akan menyalurkan bantuan RM20 juta untuk membaik pulih dan menyelenggara lif di pangsapuri kos rendah disifatkan sudah terlewat memandangkan mereka sudah memerintah negeri ini selama dua penggal.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, sepatutnya bantuan seperti itu diberikan sejak dari dahulu ketika pakatan pembangkang mula menerajui Selangor dan bukannya selepas akan bera-

akhirnya penggal kedua pemerintahan.

"Kita hairan mengapa bantuan diberikan setelah memerintah dua penggal, sedangkan saya baharu berada di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) setahun sudah mampu memberikan bantuan demi rakyat.

"Malah, KPKT selama ini telah turun padang memberikan peruntukan tetapi mengapa mereka sekarang mula menggelupur hendak bagi bantuan?" soalnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melawat

Rumah Pangsa Impian di Bandar Saujana Putra di sini, hari ini.

Mengulas mengenai kerja-kerja merobohkan dua rumah bekas pegawai masjid Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Noh berkata, kerajaan negeri di bawah Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dilihat tidak pandai menguruskan masalah berikutan gagal membantu menyelesaikannya.

"Oleh demikian, kita akan membantu dengan menyampaikan bantuan rumah dan rumah kedai kepada mangsa esok," ujarnya.



NOH OMAR mendengar penerangan daripada Pengerusi Badan Pengurusan Bersama Rumah Pangsa Impian, Rosdi Omar (dua dari kanan) sewaktu mengadakan lawatan ke rumah pangsa itu di Bandar Saujana Putra, Jenjarom, Kuala Langat, semalam. - UTUSAN/MOHD SHAHARANI SAIBI